



Hakisan pantai cetus kebimbangan

PENDUDUK menunjukkan mendapan pasir yang menyekat keluar saluran longkang.

Melaka: Hakisan pantai yang berlaku di Jalan Pantai, Telok Mas, di sini, mengundang kebimbangan penduduk di kawasan terbabit berikutan sistem pengaliran kumbahan di kawasan itu terhalang.

Penduduk mendakwa, kesan hakisan yang berlaku itu juga mengakibatkan sebahagian pantai berkenaan terjejas.

Laluan longkang yang sebelum ini mampu mengalirkan kumbahan rumah penduduk berdekatan terus ke laut kini terhalang oleh mendapan pasir.

Penduduk Abd Rahman Majid, 74, mendakwa, masalah berkenaan sering mengakibatkan halaman rumahnya digenangi air setiap kali hujan lebat.

Menurutnya, keadaan itu wujud apabila berlaku limpahan daripada takungan air yang tersekat.

“Masalah ini berlaku sejak dulu

dan saya berharap pihak berwajib dapat mengambil tindakan segera bagi menanganinya.

Beberapa aduan sudah dilaporkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), tetapi sehingga kini tiada jawapan.

“Apa yang merisaukan adalah masalah ini mengakibatkan saluran longkang sepanjang kira-kira 500 meter berbau busuk dan bertukar warna kehitaman akibat air tidak dapat mengalir keluar ke laut,” katanya kepada Metroplus.

Menurutnya, apabila takungan air itu menjadi tempat pembiakan nyamuk seterusnya membahayakan keselamatan penduduk.

“Diharap pihak berwajib membina tembok penghadang ombak bagi mengelakkan hakisan berterusan,” katanya.